

UUM/AA48/UUM/14.06.05/P: 26(5)

Kakitangan Pusat Kesihatan UUM sertai Program ^{UUM} Khidmat Masyarakat ^{14/6/05} ^{26:5}

ALOR STAR 13 Jun – Kakitangan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menyertai Program Khidmat Masyarakat (PKM) di Kampung Seri Dacing, Mukim Teloi, Sik mulai 16 hingga 18 Jun ini.

Menurut Pengarah PKU UUM, Dr. Mohamad Sanuri Rahamad, program tiga hari itu bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kakitangan universiti tersebut tentang rawatan serta khidmat nasihat yang akan diberikan kepada masyarakat awam.

“Antara aktiviti yang akan diadakan sempena program tersebut ialah rawatan perubatan dan pergigian secara

percuma serta penerangan mengenai cara pencegahan terhadap penyakit berbahaya seperti diabetes, denggi, darah tinggi dan serangan jantung,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Beliau memberitahu seramai 36 kakitangan PKU UUM akan terlibat dalam program tersebut dan beliau mengharapkan agar aktiviti seumpama itu mendapat manfaat kepada para penduduk kampung setempat.

“Kita juga telah menjemput Kaunselor Jabatan Kesihatan Kedah, Abu Bakar Abdullah untuk memberikan ceramah bertajuk ‘Meningkatkan Motivasi Pekerja’ sempena program tersebut,” jelasnya.